

29 MAR 2001

Mahathir-Guna Tenaga (Dengan gambar)

MALAYSIA MENIKMATI GUNA TENAGA PENUH, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 29 Mac (Bernama) -- Malaysia, dengan kadar pengangguran di bawah paras tiga peratus, sebenarnya menikmati guna tenaga penuh, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Kita mempunyai pengangguran di bawah tiga peratus...ini bermakna guna tenaga penuh. Pada paras di bawah empat peratus, ia dianggap sebagai guna tenaga penuh. Oleh itu kita tidak perlu bimbang mengenai perkara itu," katanya.

Beliau menjawab satu soalan mengenai kesan yang diramal daripada kelembapan ekonomi Amerika Syarikat ke atas Malaysia pada satu persidangan berita selepas merasmikan Forum MSC-Lucent Bell Laboratory Technology 2001 di sini.

Dr Mahathir berkata Malaysia mempunyai pencapaian yang sangat baik berhubung kadar pengangguran yang rendah di kalangan negara membangun dan telah menyediakan peluang pekerjaan kepada kira-kira dua juta rakyat asing.

Sekiranya pemberhentian kerja tidak dapat dielakkan, rakyat asing sewajarnya orang yang pertama diberhentikan, katanya.

Dr Mahathir juga ditanya sama ada globalisasi akan memberi laluan kepada keserantauan.

"Apa-apapun boleh berlaku, jika ada orang yang melahirkan idea-idea yang sesuai. Hakikatnya ialah dunia kini semakin kecil. Kita berinteraksi dengan semua negara, bukan sahaja dengan negara jiran tetapi merentasi dunia.

"Kita harus belajar bagaimana untuk menyesuaikan diri dengan trend ini yang nampaknya bakal dihadapi oleh kita, sama ada kita suka atau tidak," katanya.

Dr Mahathir berkata ketika berhadapan dengan globalisasi, terdapat beberapa kemestian untuk menyekat aktiviti tertentu disebabkan oleh perbezaan dalam saiz syarikat-syarikat yang bersaing.

"Kita tidak boleh mengharapkan sebuah bank tempatan untuk bersaing dengan sebuah bank besar yang mempunyai cawangan di seluruh dunia, kerana mereka boleh meraih keuntungan di tempat lain dan mencatat kerugian di sini dan menjejaskan bank-bank tempatan. Ini adalah perkara yang sedang kita teliti," katanya.

-- BERNAMA

RV AHH AKD